

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

DARI FAKULTI KE PANTAI: *BONDING DAY* D'BANKERS MENCIPTA MEMORI, MEMBINA KERJASAMA

Penulis: Norazimah Mejri & Persatuan D'Bankers

Persatuan D'Bankers di bawah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Mukah sekali lagi telah berjaya menganjurkan satu program santai iaitu *Bonding Day* Siri 2, yang berlangsung pada 25 dan 26 April 2025. Program ini telah berlangsung selama dua hari satu malam di The Beach Chalet, Oya, yang melibatkan 20 orang pelajar bersama penasihat kelab, Cik Norazimah Mejri. *Bonding Day* Siri 2 dianjurkan bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan silaturahim sesama ahli Persatuan D'Bankers dan juga penasihat kelab.



Para peserta bergambar bersama

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program yang direka khusus untuk membina kerjasama dan memperkukuh hubungan antara peserta. Aktiviti dimulakan dengan sesi taklimat ringkas dan pembahagian kumpulan, diikuti dengan pelbagai permainan berkumpulan seperti "Selamatkan Diri", "Kereta Api Bersambung", dan sukaneka santai. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja mencetuskan kegembiraan dan gelak ketawa, malah menguji kreativiti, komunikasi, serta strategi berkumpulan dalam suasana yang santai dan menyeronokkan.



Poster hebahan aktiviti

Salah satu detik yang paling berharga dalam program ini ialah aktiviti memasak dan makan malam pada malam 25 April. Para peserta berganding bahu menyiapkan juadah yang kemudiannya dinikmati bersama di sekitar pantai. Aktiviti ini secara tidak langsung memupuk nilai kebersamaan, toleransi serta menghargai peranan setiap individu dalam kumpulan.

Menjelang malam, satu sesi refleksi telah dijalankan bersama penasihat kelab. Dalam sesi ini, pelajar diberi ruang untuk berkongsi pandangan dan pengalaman serta memberikan cadangan penambahbaikan untuk aktiviti persatuan pada masa akan datang. Ia menjadi medan yang sangat bermakna untuk menyemai kepercayaan antara para pelajar dan penasihat serta memperkukuh hala tuju kelab.

Secara keseluruhannya, *Bonding Day* Siri 2 telah memberi impak yang sangat positif terhadap perkembangan sahsiah pelajar. Ia bukan sahaja meningkatkan hubungan interpersonal dalam kalangan ahli D'Bankers, malah membantu mengasah kemahiran insaniah.